



## **PERUTUSAN KETUA HAKIM NEGARA KEPADA PEGAWAI DAN KAKITANGAN KEHAKIMAN**

Saya menjunjung kasih Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah atas perkenan Seri Paduka Baginda melantik saya sebagai Ketua Hakim Negara yang baharu, atas nasihat YAB Perdana Menteri, setelah berunding dengan Majlis Raja-Raja.

Sesungguhnya pelantikan ini merupakan satu pengiktirafan dan penghormatan yang besar kepada saya dan seiring dengan itu tanggungjawab yang menanti juga adalah besar dan berat. Namun begitu, dengan petunjuk serta pertolongan Allah SWT dan kerjasama serta bantuan daripada semua pegawai dan kakitangan yang menjadi tonggak dan tulang belakang kepada Badan Kehakiman Malaysia, saya berharap dan percaya tugas yang dipikul, Insya-Allah akan menjadi lebih mudah.

Saya ingin menyeru semua pegawai dan kakitangan agar sentiasa mengingati dan menghayati ikrar perkhidmatan awam dan sentiasa mematuhi Kod Etika Pegawai dan Kakitangan Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia 1999 yang memperuntukkan antara lain, seperti yang berikut:

- (i) sentiasa mempamerkan tata kelakuan serta perangai yang baik dan dihormati sama ada semasa atau di luar waktu pejabat;
- (ii) sentiasa bersopan santun, mesra dan berbudi bahasa semasa berurusan dengan orang awam termasuk peguam-peguam;
- (iii) melaksanakan dan menyelesaikan tugas di waktu pejabat dengan kadar segera dan berkualiti;
- (iv) sentiasa saksama dan bertimbang rasa dalam melaksanakan tugas tanpa mengira bangsa, agama dan kedudukan;

- (v) mengelakkan percanggahan kepentingan seperti menggunakan kedudukan rasmi sebagai pegawai dan kakitangan Mahkamah untuk kepentingan diri sendiri atau kepentingan orang lain; dan
- (vi) sentiasa berusaha memperbaiki memajukan diri dan meningkatkan ilmu pekerjaan masing-masing dari masa ke semasa.

Sebagai tambahan, para pegawai juga khususnya, hendaklah mematuhi Kod Etika Pegawai Kehakiman 2019 yang memperuntukkan antara lain, seperti yang berikut:

- (i) menegakkan integriti dan kebebasan Badan Kehakiman;
- (ii) menghindari ketidaksopanan dan penampakan ketidaksopanan dalam semua aktiviti kehakiman;
- (iii) melaksanakan tugas kehakiman secara adil dan efisien; dan
- (iv) meminimumkan risiko percanggahan dengan tugas kehakiman seseorang pegawai kehakiman semasa menjalankan aktiviti luar kehakiman;

Saya juga ingin menarik perhatian para pegawai kepada beberapa Arahan Amalan/ Pekeliling yang berikut, sebagai panduan dalam melaksanakan tugas-tugas harian:

- i) Pekeliling Ketua Pendaftar Bil. 1/1996 - Teguran Terhadap Saksi dan Peguam;
- ii) Pekeliling Ketua Pendaftar Bil.1/2002 - Alasan Penghakiman;
- iii) Arahan Amalan Hakim Besar Malaya Bil. 1 Tahun 2011- Penjadualan Semula Tarikh Bicara;
- iv) Arahan Amalan Hakim Besar Malaya Bil. 2 Tahun 2011- Arahan Berkaitan Prosiding Mahkamah;
- v) Pekeliling Hakim Besar Malaya Bil. 4/2012- Pendengaran Permohonan Ex-parte Yang Difailkan Atas Suatu Sijil Perakuan Segera; dan
- vi) Pekeliling Ketua Pendaftar Bil.1 Tahun 2012- Kes-Kes Berprofil Tinggi.

Di kesempatan ini juga, saya ingin menyeru semua pegawai dan kakitangan supaya dapat meningkatkan lagi ilmu pengetahuan undang-undang selaras dengan perkembangan teknologi dan hal ehwal semasa agar tidak ketinggalan dan dapat menjalankan segala tugas dengan lebih efisien. Saya juga ingin menyarankan kepada semua pegawai dan kakitangan supaya terus mengamalkan budaya kesungguhan dalam bekerja serta menerapkan sikap amanah dan berintegriti dalam melaksanakan tugas.

Saya menganggap para pegawai dan kakitangan adalah merupakan satu keluarga besar yang hendaklah bekerjasama antara satu sama lain pada setiap masa dan sentiasa mengekalkan suasana yang harmoni bagi memastikan kualiti kerja dapat dipertingkatkan.

Para pegawai dan kakitangan hendaklah mengelakkan daripada mempunyai sifat mementingkan diri, berfikiran negatif dan tidak berdisiplin. Sifat-sifat tersebut boleh membawa kesan negatif kepada Badan Kehakiman secara umumnya dan juga kemajuan kerjaya para pegawai dan kakitangan khususnya.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada para pegawai dan kakitangan di atas ucapan tahniah yang diberikan. Saya berharap kerjasama daripada semua pihak bagi menjamin kecemerlangan Badan Kehakiman.



**DATO' TENGKU MAIMUN BINTI TUAN MAT**  
**KETUA HAKIM NEGARA**

**8 MEI 2019**